

# UNIHIST SYRUP

Brompheniramine maleate 4 mg ; Phenylephrine hydrochloride 10 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan UNIHIST
2. Bagaimana UNIHIST berfungsi
3. Sebelum mengambil UNIHIST
4. Cara menggunakan UNIHIST
5. Semasa menggunakan UNIHIST
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan UNIHIST
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan UNIHIST

Untuk melegakan simptom kesesakan hidung yang disebabkan oleh batuk dan keadaan sejuk dan alergik, terutamanya rinitis [keradangan membran mukus hidung].

## Bagaimana UNIHIST berfungsi

*Brompheniramine / phenylephrine* adalah gabungan antihistamina dan *decongestant*. Antihistamina berfungsi dengan menyekat tindakan histamina, yang membantu mengurangkan tanda-tanda seperti mata berair dan bersin. *Decongestant* menggalakkan penyaliran sinus dan hidung, yang melegakan kesesakan dan tekanan.

## Sebelum mengambil UNIHIST

### -Bila tidak boleh mengambil

- ⊗ Jika anda alergik (hipersensitif) terhadap *Brompheniramine* atau *Phenylephrine* atau terhadap sebarang ubat lain dengan struktur kimia yang serupa.
- ⊗ Jika anda alergik (hipersensitif) terhadap sebarang bahan kandungan UNIHIST yang lain.
- ⊗ Jika anda mengandung dan menyusu  
⇒ UNIHIST perlu digunakan sahaja jika manfaat yang berpotensi untuk pesakit mengatasi risiko yang mungkin untuk janin.  
⇒ UNIHIST perlu digunakan sahaja jika manfaat yang berpotensi untuk pesakit mengatasi risiko yang mungkin untuk bayi.

Jangan gunakan ubat ini jika mana-mana di atas berkenaan dengan anda. Jika anda tidak pasti, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil UNIHIST.

### -Sebelum mula mengambil

Maklumkan doktor dalam kes:

- Masalah hati atau ginjal
  - Epilepsi
  - Hipertiroidism (pengeluaran patologi berlebihan hormon tiroid) yang teruk
  - Penyakit jantung iskemia yang teruk
  - Diabetes mellitus atau hiperplasia prostat [pembesaran kelenjar prostat yang bukan malignan (bukan barah), kejadian yang biasa pada lelaki lebih tua] harus juga mengelakkan *Phenylephrine*.
  - Mengandung dan ibu yang menyusu
  - Mempunyai simptom anafilaksis (hipersensitiviti disebabkan oleh pendedahan awal kepada bahan dan biasanya menghasilkan pengecutan otot dan pengembangan saluran darah) dengan ubat "azole" yang lain sebelum ini.
  - Kanak-kanak di bawah 2 tahun – berhati-hati dan patuhi arahan doktor atau ahli farmasi apabila memberi ubat ini kepada kanak-kanak antara 2 hingga 6 tahun.
- Dalam kes sedemikian, sila rujuk kepada doktor sebelum mengambil ubat.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain. Ini termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dan ubat herba.

Khususnya, maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan mana-mana ubat yang berikut:

- Depresan Sistem Saraf Pusat (CNS) seperti sedatif, analgesik opioid dan hipnotik boleh menyebabkan peningkatan dalam kesan sedasi.
- *Monoamine oxidase (MAO) inhibitors* dan *Tricyclic antidepressants (TCAs)* boleh memanjangkan dan menggiatkan kesan *anticholinergic* dan depresif CNS.

- Agen yang melegakan simptom sahaja, seperti *decongestant*, supresan selera dan *amphetamine-like psychostimulants* boleh menyebabkan peningkatan dalam tekanan darah dan kesan tambahan.

- *Methyldopa* dan  $\beta$ -*blockers* boleh menyebabkan peningkatan dalam tekanan darah.

## Cara menggunakan UNIHIST

### -Berapa banyak harus digunakan

Oral

Dewasa:

5 mL (1 sudu teh penuh) setiap 4 hingga 6 jam

Kanak-kanak:

6 – 12 tahun: 2.5 mL (1/2 sudu teh penuh) setiap 4 hingga 6 jam

### -Bila perlu digunakan

Jangan ambil UNIHIST beberapa jam sebelum tidur kerana ia boleh menyebabkan kesan insomnia.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas suatu dos, ambil dos yang seterusnya sebaik sahaja anda ingat, dengan syarat anda tidak mengambil lebih daripada dos yang disyorkan dalam 24 jam. Jika waktu itu hampir masa untuk dos yang seterusnya, jangan ambil dos yang terlepas.

Jangan ambil dos berganda.

### -Jika mengambil berlebihan (Terlebih dos)

Simptom: Gementar, menggeletar, insomnia, keresahan, mudah marah, sakit abdomen, sakit kepala yang teruk, loya, dan muntah.

Dalam kes anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak dan mengalami simptom dos berlebihan yang dinyatakan di atas, hubungi doktor segera atau hubungi hospital terdekat.

## Semasa menggunakan UNIHIST

### Perkara yang perlu dilakukan

- ⊗ Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- ⊗ Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan UNIHIST.
- ⊗ Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- ⊗ Minum alkohol
- ⊗ Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- ⊗ Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- ⊗ Jangan berkongsi UNIHIST dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- ⊗ Aktiviti yang memerlukan kepekaan mental:  
Jangan memandu kereta atau mengendalikan alat atau mesin yang berpotensi berbahaya. UNIHIST boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, UNIHIST berkemungkinan mempunyai kesan yang tidak diingini:

- Sedasi
- Prestasi terganggu (prestasi memandu merosot, prestasi kerja lemah, tidak berkoordinasi, kemahiran motor berkurangan, dan pemprosesan maklumat lemah). Prestasi mungkin terjejas walaupun tiada kesan sedasi dan mungkin berlarutan pada pagi selepas mengambil ubat pada malam sebelumnya.
- Kebimbangan
- Halusinasi
- Stimulasi selera
- Diskinesia otot [Kemerosotan dalam keupayaan untuk mengawal pergerakan, ciri-ciri usul tidak teratur atau berulang-ulang atau kekurangan penyelaras]
- Pengaktifan fosi epileptogenik [kawasan korteks serebrum yang bertanggungjawab menyebabkan serangan sawan]

- Kekeringan mata, mulut dan hidung
- Penglihatan kabur
- Masalah kencing tidak terkawal
- Sembelit
- Kadar jantung cepat, terutama lebih 100 denyutan seminit bagi orang dewasa

Lain-lain: Kanak- kanak dan warga tua lebih berkemungkinan mengalami kesan buruk seperti ruam kulit dan pengekalan kencing berbanding dengan kumpulan umur lain.

Jika sebarang kesan sampingan ini berlaku, atau jika anda perhatikan sebarang kesan tidak diingini yang tidak dinyatakan di sini, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan nasihat doktor / ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan UNIHIST

### Penyimpanan

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C

### Pelupusan

Tempoh boleh digunakan: Dua (2) tahun

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Sirap jernih berwarna ungu dengan perisa anggur.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
*Brompheniramine maleate;*  
*Phenylephrine hydrochloride*

Bahan tidak aktif:

*Sodium benzoate, Saccharin sodium, Citric acid anhydrous, Grape essence, Carmoisine, Brilliant blue FCF, Sucrose, Edetate disodium, Sodium citrate dihydrate, Glycerin, Sorbitol solution 70% and Purified water*

### Nombor MAL:

MAL08061561A

## Pengilang

UNISON LABORATORIES CO., LTD.

39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang Chachoengsao, Chachoengsao 24000 Thailand

## Pemegang Pendaftaran Produk

MEDISPEC (M) SDN.BHD

# 55 & 57 Lorong Sempadan 2, (Off Boundary) 11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

20/05/2014